

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 22 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Anugerah Terbaik UniMAP	Harian Metro

# Anugerah terbaik UniMAP

Muncul sebagai salah satu daripada lapan pemenang utama Anugerah Kualiti SIRIM

Buat julung kali, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) muncul sebagai salah satu daripada lapan pemenang utama Anugerah Kualiti SIRIM (AKS), apabila merangkul Anugerah Kualiti Organisasi bagi kategori agensi kerajaan yang baru diperkenalkan Srim Malaysia Berhad (SIRIM), tahun ini.

Naib Canselor UniMAP Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin berkata, anugerah itu adalah inisiatif SIRIM dalam mengiktiraf organisasi yang mencapai tahap pengurusan kualiti dan produk cemerlang serta pengeluaran barang dan perkhidmatan yang menepati tahap standard kebangsaan dan antarabangsa.

Menurutnya, kejayaan UniMAP muncul antara lapan organisasi terbaik dalam anugerah berprestij seperti AKS adalah pengiktirafan terbaik diterima,



KAMARUDIN (kiri) bersama penerima lain Anugerah Kualiti SIRIM bergambar bersama Dr Ewon (empat dari kanan) pada Majlis SIRIM Industri 2013.

**FAKTA**  
Majlis SIRIM  
Industri 2013  
diadakan di Hotel  
Sunway Resort  
And Spa

tambahan pula pemberian anugerah itu dinilai berdasarkan aspek kualiti.

Katanya, lebih membanggakan apabila UniMAP

berjaya menewaskan 20 calon lain bagi kategori agensi kerajaan, sekali gus membuktikan mereka mencapai tahap kualiti yang boleh dibanggakan.

"Penilaian kualiti ini ada-

lah sesuatu amat kompleks, namun saya percaya kejayaan UniMAP dinilai mengikut pencapaian yang diraih sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

"Walaupun UniMAP baru

11 tahun ditubuhkan, ia bukan penghalang untuk menawarkan perkhidmatan atau produk berkualiti kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata, UniMAP akan memberi tumpuan bagi memastikan setiap unit atau jabatan di universiti itu menerima pengiktirafan kualiti daripada SIRIM.

Menurutnya, pengiktirafan itu diharap mencetuskan gelombang baru untuk meningkatkan budaya kualiti bagi meningkatkan prestasi kualiti produk dan perkhidmatan.

Majlis SIRIM Industri 2013 diadakan di Hotel Sunway Resort And Spa itu dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.

Hadir sama, Pengurus SIRIM Datuk Jamaliah Kamis dan Ketua Eksekutif SIRIM Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.